

ILMU dan KLMUC Beramal Bersama Menerusi Dapur Gelandangan Ramadan

Kuala Lumpur, 18 Jun 2016 – Bertujuan untuk menyumbang semula bersempena bulan Ramadan yang mulia ini, ILMU Education Group (ILMU) dan Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) bekerjasama dengan *MERCi Culinary* untuk mengedarkan bungkusan makanan bagi buka puasa kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Bungkusan makanan yang terdiri daripada nasi beserta lauk pauk enak telah diedarkan di Anjung Singgah, Jalan Hang Lekiu di Kuala Lumpur. Lebih daripada 20 pelajar KLMUC dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesihatan telah sama-sama membanting tulang dalam menyediakan makanan serba lazat ini di bawah seliaan Chef Yahaya, pensyarah selebriti di KLMUC yang juga merupakan ahli *MERCi Culinary*.

Pelajar-pelajar KLMUC telah mempraktikkan pembelajaran mereka melalui tugas-tugas penyediaan makanan termasuk membersihkan bahan mentah, menyukat saiz hidangan, membungkus makanan serta saling bekerjasama antara satu sama lain bagi menyiapkan lebih 250 bungkusan hidangan untuk buka puasa.

Mengulas mengenai prinsip di sebalik inisiatif tersebut, Amil Izham Hamzah, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Pendidikan ILMU, berkata, “Musim perayaan wajar dikongsi bersama-sama, lebih-lebih lagi bulan Ramadan yang mulia ini. Melalui inisiatif yang didorong oleh pelajar KLMUC ini, mereka yang terlibat mendapat peluang keemasan untuk mempraktikkan teknik kulinari dalam penyediaan makanan serta pada masa yang sama, mendapat pengalaman yang tidak ternilai sambil menyumbang kepada masyarakat setempat.”

Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Eksekutif Cosmopoint Sdn Bhd dan Pemangku Naib Canselor KLMUC, menjelaskan dengan lebih lanjut tentang inisiatif tersebut, “Kami amat gembira kerana dapat bekerjasama dengan *MERCi Culinary* yang juga merupakan rakan industri untuk sama-sama memberikan sumbangan murni bersempena Ramadan. Dapur Gelandangan Ramadan ini membuktikan prinsip KLMUC iaitu memperkayakan kehidupan para pelajar dan juga masyarakat setempat. Lokasi kampus yang terletak di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur juga membolehkan kami untuk lebih mendekati masyarakat secara langsung. Seterusnya, kami berharap makanan-makanan percuma ini akan sedikit sebanyak membantu dan memberi manfaat kepada semua, terutama mereka yang kurang bernasib baik.”

##TAMAT##

Mengenai Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU)

ILMU ialah syarikat induk bagi semua syarikat pendidikan dalam portfolio pelaburan Ekuinas. Kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan pendidikan serba lengkap kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang memenuhi keperluan pendidikan dari peringkat K-12 sehingga peringkat pengajian tinggi. Kini, portfolio institusi ILMU termasuk:

Pengajian Tinggi: Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), UNITAR, Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Cosmopoint College, dan APIIT Sri Lanka.

K-12: Asia Pacific Schools (APS) yang terdiri daripada Asia Pacific Smart School (APSS) dan Asia Pacific International School (APIS), dan Tenby Schools. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ilmuedu.com>

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ilmuedu.com.my.

Facebook: www.facebook.com/ILMUedu

Twitter: www.twitter.com/ILMUedu

Instagram: www.instagram.com/ILMUedu

YouTube: www.youtube.com/channel/UCXypO-UL3y5SY12esciWAAQ

Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC)

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 45 program di bawah lima fakulti dan satu pusat. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip *Aplikasi Dunia Nyata* sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klmuc.edu.my

Pertanyaan media

Elyantie Mohamed

Manager, Branding & Communications

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Nur Liyana

essence Burson-Marsteller

03-7493 5588

nurliyana@my-essence.com

Yasmin Yusoff

Senior Executive, Branding & Communications

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my

Elliza Abdul Rahim

essence Burson-Marsteller

03-7493 5588

elliza@my-essence.com